



حَابِتِن مَفْتِي كَرِي سِدَالَاغُوْرَا

**KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA
NEGERI SELANGOR**

Bil.5/2016

4 Oktober 2016

**KUTIPAN ZAKAT DI NEGERI SELANGOR
YANG DISERAHKAN KE NEGERI PERLIS MELALUI
NGO YANG DILANTIK OLEH
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS (MAIPs)**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke-5/2016 yang bersidang pada 4 Oktober 2016 bersamaan 3 Muharram 1438H **memutuskan** bahawa:

Badan Bukan Kerajaan atau *Non-Govermental Organization* (NGO) atau individu yang dilantik oleh mana-mana pihak selain daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengutip zakat di negeri Selangor dan mengagihkan keluar negeri Selangor tanpa izin ulil-amri adalah tidak sah dari segi hukum syarak dan bercanggah dengan peruntukan undang-undang sedia ada.

Bertarikh 4 Oktober 2016
(MJKFNS. BIL.5/2016)

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Negeri Selangor

ENAKMEN 9 TAHUN 1995
ENAKMEN JENAYAH SYARIAH (SELANGOR) 1995

BAHAGIAN V - KESALAHAN PELBAGAI

Seksyen 37. Pungutan zakat atau fitrah tanpa diberikuasa.

Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Copyright © PNMB-LawNet. All rights reserved.